

Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang

e-Lingua

APRIL 2026

1/2026

*Connecting Cultures
One Word at a Time*

你好

Apa Khabar?

Bonjour

Hello

مرحبًا

Hallo

こんにちは



Hari Inovasi & Kualiti 2025 UiTM CPP: Kilauan Jaya Warga APB Bergemerlapan

MUHAMMAD USAMAH MOHD RIDZUAN & NORAZIAH MOHD AMIN
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA, UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Majlis Hari Inovasi dan Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) 2025 telah berlangsung dengan penuh meriah dan berprestij pada 5 Disember 2025 yang bertemakan "Glitz, Glam and Glory Award." Majlis Hari Inovasi dan Kualiti 2025 anjuran UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) merupakan salah satu usaha

UiTM CPP bagi mengiktiraf sumbangan warganya dalam menggarap kecemerlangan di pelusuk aspek. Majlis ini menyaksikan Akademi Pengajian Bahasa (APB) terus unggul melalui pencapaian tersusun seperti berikut:



- **Anugerah Cendekiawan Epitome 2024 Kategori Geran Penyelidikan Antarabangsa Aktif Fakulti & Jabatan;**
- **Anugerah Cendekiawan Epitome 2024 Kategori Jaringan Komuniti Berimpak Tinggi Terbaik Fakulti & Jabatan dengan penarafan MyRA 3-STAR RATING;**
- **Anugerah Cendekiawan Epitome 2024 Kategori Jaringan Industri Terbaik Fakulti & Jabatan;**
- **Anugerah Pencapaian Strategik 2024 Kategori Bahagian; dan**
- **Anugerah Pencapaian Terbaik AKNC 2024 dengan usahasama Akademi Pengajian Islam Kontemporari.**

Dalam kategori individu, ahli-ahli APB turut meraih pengiktirafan iaitu:

- **Anugerah Cendekiawan Epitome 2024 Kategori Geran Penyelidikan Industri: Encik Noor Azli Affendy Lee;**
- **Anugerah Cendekiawan Epitome 2024 Kategori Geran Penyelidikan Antarabangsa: Dr. Norhaslinda Hassan;**



Dr. Norhaslinda Hassan menerima Anugerah Cendekiawan Epitome 2024 Kategori Geran Penyelidikan Antarabangsa

- **Anugerah Cendekiawan Epitome 2024 Kategori Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi (Q1 & Q2): Dr. Anwar Farhan Mohamad Marzaini, Dr. Che Nooryohana Zulkifli, Dr. Leow Min Hui dan Dr. Nur Husna Serip Mohamad;**
- **Anugerah Cendekiawan Epitome 2024 Kategori Penerbitan Jurnal Berindeks: Dr. Leow Min Hui;**
- **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang: Cik Marni Jamil, Cik Seng Hui Zanne dan Encik Muhammad Aiman Abdul Halim;**

Dr. Anwar Farhan Mohamad Marzaini menerima Anugerah Cendekiawan Epitome 2024 Kategori Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi (Q1 & Q2)



Encik Muhammad Aiman Abdul Halim menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Cik Marni Jamil menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Cik Seng Hui Zanne menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

- Anugerah Persona Hospitaliti: Encik Muhammad Usamah Mohd Ridzuan; dan
- Anugerah Jasamu Dikenang: Puan Nazima Versay Kudus dan Puan Jothee Mathai A/P N.O. Mathai.

Selaras dengan tema “Glitz, Glam and Glory Award”, semua jemputan dan warga UiTM CPP digalakkan mematuhi etika pemakaian yang telah ditetapkan. Usaha ini bertujuan memastikan penampilan para hadirin kelihatan kemas, sopan dan sesuai dengan suasana majlis yang berprestij.

Di akhir majlis, Dr. Che Nooryohana dari APB telah dinobatkan sebagai pemenang pakaian terbaik bagi kategori wanita.

Dr. Che Nooryohana menerima anugerah pemenang pakaian terbaik kategori wanita



Majlis diperkayakan dengan persembahan nyanyian oleh pelajar UiTM CPP yang berbakat. Persembahan ini diiringi muzik orkestra yang menambahkan lagi kemeriahan sepanjang majlis berlangsung. Dari segi jamuan, pelbagai pilihan makanan disediakan bagi memenuhi selera para hadirin. Nasi minyak dihidangkan sebagai juadah utama, diiringi sajian sampingan seperti cucur udang, apam balik, laksa serta ais krim.

Secara keseluruhannya, Majlis Hari Inovasi dan Kualiti UiTM CPP 2025 telah berlangsung dengan jayanya. Majlis ini berjaya mencapai objektif untuk menghargai pencapaian cemerlang dan membanggakan dalam kalangan warga UiTM CPP. Secara khususnya pula, pencapaian warga APB telah menyerlahkan dedikasi dan komitmen mereka dalam memacu kecemerlangan akademik, penyelidikan, jaringan industri dan penyampaian perkhidmatan berkualiti.

The Team



**Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad
Rashidy Razali**
Rector



Dr. Norhaslinda Hassan
Head of Center / Adviser



Wan Noorli Razali
Chief Editor



**Aini Syahira Binti
Jamaluddin**



**Muhammad Aiman
Abdul Halim**



**Ummu Habibah Binti
Mohd Sakri @ Shukri**



**Nur Fatin Nabila
Abdul Rahman**



**Nur Fatin Shahmina
Mohd Fauzey**



**Fasyin Diyana
Mohamad Fadzil**



Nur Aalia Arifin



**Nurul Farzanah
Mohd Rosli**



Noraziah Mohd Amin



Seng Hui Zanne



Lim Teck Heng